

## Pelajar Unimas johan ratu cantik



KUCHING 25 Mei - Pelajar Ijazah Sarjana Bioteknologi Alam Sekitar dari Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Pearlcyia Brooke telah dimahkotakan sebagai Ratu Cantik Fair & Lovely bagi tahun ke-10 penganjuran acara itu di Kampung Budaya Sarawak kira-kira 40 kilometer dari sini malam tadi.

Anak kacukan Bidayuh dan Kenyah berusia 25 tahun itu mengalahkan 13 peserta akhir lain yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan etnik yang terdapat di negeri ini.

Kemenangan itu membolehkan gadis

**PEARLYCIA Brooke (tengah) diapit oleh Cassandra Daniel Manja (kanan) dan Ramdaniza Hasbi pada pertandingan akhir Miss Fair & Lovely di Kampung Budaya di Santubong, semalam.**

tersebut membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000, mahkota, piala, tajaan biasiswa bagi mengikuti pengajian di peringkat diploma dalam Pengurusan Perniagaan (Pelancongan) di Kolej Segi Sarawak.

Selain ditabalkan Ratu Cantik Fair & Lovely, Pearlcyia yang berasal dari Kuching juga telah dinobatkan sebagai johan bagi kategori Pakaian Tradisional Terbaik 2008 dan Ratu Undian SMS (khidmat pesanan ringkas) 2008 yang masing-masing menawarkan hadiah wang tunai RM500.

Dalam pada itu, naib johan disandang oleh anak kelahiran Bidayuh, Casandra Daniel Manja, 22, dari Kuching yang membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000 beserta hadiah iringan penaja manakala tempat ketiga dimenangi Ramdaziza Hasbi, 23, dengan wang tunai

RM1,000 dan hadiah iringan penaja.

Bagi kategori Ratu Cantik Fotogenik serta Ratu Mata Tercantik, ia dimenangi Fatin Syahira Yusuf, 18, yang baru menamatkan persekolahan tingkatan lima dengan membawa pulang hadiah wang tunai keseluruhan RM800, potret dan hamper kecantikan.

Seorang lagi peserta, Siti Rokiah Abdul Majed, 21, yang merupakan anak kelahiran Melanau dari Bintulu pula dinobatkan sebagai Ratu Cantik Paling Serasi 2008 dan membawa pulang hadiah wang tunai RM500, mahkota serta hamper.

Acara tersebut yang dianjurkan sejak tahun 1999 serta mempunyai persamaan dengan pertandingan 'Kumang Gawai' (Ratu Cantik Gawai) diadakan sempena Pesta Menuai Sedunia pada setiap tahun.